

The background is a vibrant blue gradient, transitioning from a darker blue at the top to a lighter, almost white-blue at the bottom. It is decorated with abstract, glowing wireframe patterns that resemble a grid or a mesh, curving and flowing across the frame. Scattered throughout are numerous small, bright white and light blue stars or particles, giving it a cosmic or digital feel.

PEMBENTANGAN USUL

USUL

- A. Melibatkan Pindaan Perlembagaan**
- B. Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan**

Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 1

PERLEMBAGAAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
17. PINDAAN UNDANG-UNDANG	
<p>Undang-undang di atas tidak boleh dipinda kecuali terdapat permintaan ke atasnya dengan mendapat suara 2/3 (dua pertiga) dari jumlah ahli keseluruhannya. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan pindaan dan perubahan itu. Pindaan atau perubahan itu hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.</p>	<p>Undang-undang di atas tidak boleh dipinda kecuali terdapat permintaan ke atasnya dengan mendapat suara 2/3 (dua pertiga) dari jumlah ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agong Tahunan atau Mesyuarat Agong Luar Biasa. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan pindaan dan perubahan itu. Pindaan atau perubahan itu hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.</p> <p>- Encik Mohd Naim, KDN</p>

Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 2

PERLEMBAGAAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
3. ISTILAH	
3.1 Juruanalisa Sistem ialah pegawai yang dilantik ke dalam skim perkhidmatan Juruanalisa Sistem di Sektor Awam.	Juruanalisa Sistem atau Pegawai Teknologi Maklumat ialah pegawai yang dilantik ke dalam skim perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat di Sektor Awam. - Encik Mohd Naim, KDN

Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 3

PERLEMBAGAAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
5. KEAHLIAN	
5.4 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh 2 (dua) orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya	Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh 2 (dua) orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya - Encik Mohd Naim, KDN

Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 4

PERLEMBAGAAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
<p>13. AKAUN BANK</p> <p>13.3 Perbelanjaan yang lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa.</p> <p>Perbelanjaan yang lebih daripada RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu) bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agong terlebih dahulu.</p> <p>Perbelanjaan yang kurang daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu) bagi sesuatu masa bolehlah dilakukan oleh Presiden bersama Setiausaha atau Bendahari.</p>	<p>Perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa.</p> <p>Perbelanjaan yang lebih daripada RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu) bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agong terlebih dahulu.</p> <p>Perbelanjaan yang kurang daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu) bagi sesuatu masa bolehlah dilakukan oleh Presiden bersama Setiausaha atau Bendahari.</p> <p>- Encik Mohd Naim, KDN</p>

Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 5

PERLEMBAGAAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN
15. PENASIHAT / PENAUNG	
Jawatankuasa berhak memilih seseorang yang difikirkan benar-benar layak dan berkelibar untuk menjadi Penasihat atau Penaung Persatuan.	15.1 Jawatankuasa berhak memilih seseorang yang difikirkan benar-benar layak dan berkelibar untuk menjadi Penasihat atau Penaung Persatuan.
	15.2 Sekurang-kuranga 5 (Lima) orang yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa boleh dilantik sebagai Ahli Panel Penasihat Persatuan. Sekurang-kurangnya 2 (dua) orang bekas Presiden Persatuan hendaklah dilantik sebagai Panel Penasihat. - Encik Mohd Naim, KDN

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 6

PEMBENTANG USUL: ENCIK SUBRAMANI NAGAI AH, MAMPU

(a) Hala Tuju PERJASA

Dicadangkan pewujudan 1 unit di PERJASA bagi membantu PTM yang menjalankan kajian/penyelidikan dalam ICT. Ini adalah kerana mereka memerlukan bantuan PTM dari segi mendapatkan data-data yang tertentu, menjawab soal selidik yang dibangunkan, memerlukan maklumat tentang *expertise* dalam sektor awam, dan juga terlibat dalam aspek penilaian framework/model yang telah dibangunkan. PERJASA boleh mendapatkan model/framework yang dibangunkan oleh mereka yang sesuai untuk digunakan/dilaksanakan dalam sektor awam.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 7

PEMBENTANG USUL: ENCIK ADI AZLAN MOHD ALI, INTAN JPA

(a) Hala Tuju PERJASA

Memohon rumah kuarters kerajaan di Putrajaya atau di Kuala Lumpur untuk menjadi pejabat PERJASA. Ini bagi memudahkan aktiviti PERJASA dijalankan.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 8

PEMBENTANG USUL: ENCIK SARAVANAN RAJAGOPAL, HOSPITAL TEMERLOH

(a) Program dan Aktiviti

Aktiviti dan program berbentuk Knowledge Sharing perlu diadakan kerap kali dan dianjurkan di pelbagai zon bagi memudahkan penyertaan ahli dari semua tempat.

(b) Kebajikan Ahli

Saya mencadangkan agar satu Koperasi kakitangan dari skim PTM diwujudkan dan diuruskan oleh PERJASA.

(c) Hala Tuju PERJASA

PERJASA sebagai persatuan ikhtisas seharusnya menerbitkan jurnal atau menganjurkan persidangan bagi menggalakkan ahli menyumbang artikel bagi meningkatkan serta berkongsi kepakaran.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 9

PEMBENTANG USUL: ENCIK MOHD ZULKIFLI BIN MAHMOOD, MAMPU

(a) Keahlian dan Yuran

Kolaborasi dgn JPA- Keahlian **secara automatik** sebaik sahaja melapor diri sebagai PTM sebelum diposting ke agensi. Borang keahlian diberikan semasa taklimat. Briefing ringkas PERJASA semasa taklimat.

(b) Lain-Lain

Dicadangkan satu portal dibangunkan secara inhouse dari gabungan PPTM dan PTM untuk one stop center PERJASA/PESIMA. kandungan portal termasuklah maklumat PTM dan tmpt bertugas. no telefon..dan email. Juga maklumat kekosongan. Juga terdapat fungsi tukar suka sama suka.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 10

PEMBENTANG USUL: ENCIK MUHAMAD APIAN SAIDIN, MACGDI

(a) Kerjaya

1. Keperluan untuk mengadakan kursus asas sebelum kemasukan PTM ke perkhidmatan kerajaan dengan tujuan menyediakan dan mendedahkan PTM baru dengan pengetahuan asas dalam menguruskan teknologi maklumat di sektor kerajaan.
2. Prospek kerjaya PTM kurang jelas dari segi kenaikan pangkat, kriteria yang digunakan untuk menilai kenaikan pangkat dan dicadangkan PERJASA mengusulkan kepada JPA supaya kenaikan pangkat adalah berdasarkan time based.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 11

PEMBENTANG USUL: PUAN SAADIAH ABDUL RANI, BHEUU

(a) Kerjaya

Saya baru menghadiri peperiksaan ELPA untuk fast track dalam perkhidmatan awam. Walaubagaimanapun, daripada pemerhatian saya, hanya 10% daripada candidates adalah PTM dan selainnya adalah PTD. Saya rasa berlaku ketidakadilan di sini di mana sebahagian besar agensi-agensi hanya mencalonkan PTD dan tidak daripada kumpulan yang lain termasuk ICT.

Sehubungan dengan itu, kemungkinan PERJASA boleh memainkan peranan dalam perkara ini dengan mengeluarkan surat kepada Ketua-ketua Jabatan agar turut mencalonkan pegawai-pegawai daripada kumpulan lain selain daripada PTD sahaja.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 12

PEMBENTANG USUL: PUAN NUR AZALIAH ABU BAKAR, JPA

(a) Kerjaya

Penambahbaikan laluan kerjaya PTM dengan penekanan kepada pengkhususan (expertise) dan penempatan yang bersesuaian. Perlu ada mekanisma jelas dan dipatuhi oleh semua pihak terbabit.

Penempatan selepas tamat belajar juga perlu diperhalusi dan ditekankan agar dapat dipraktikkan ilmu yang diperolehi di penempatan baru.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 13

PEMBENTANG USUL: ENCIK MOHD ASRI MOHAMAD STAMBUL, MOF

(a) Halatuju PERJASA

Mencadangkan supaya presiden dan exco perjasa mestilah disandang oleh pegawai Gred 54 dan ke atas kecuali Setiausaha.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 14

PEMBENTANG USUL: PUAN SITI RUZAIMAH GHAZALI, MINDEF

(a) Kebajikan Ahli

Mewujudkan wakil PERJASA di setiap agensi/kementerian.

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 15

PEMBENTANG USUL: PUAN NOR SUZANA AB HAMID, JPA

(a) Kerjaya

Mencadangkan agar semua PTM wajib mengisi maklumat di Sistem SPK.

Ini adalah agar kita tidak ketandusan calon bg mengisi jawatan2 utama perunding sehingga kosong pada tempoh yg lama

Tidak Melibatkan Pindaan Perlembagaan

Usul 16 (terakhir)

PEMBENTANG USUL: ENCIK AZIZAN TORMAN, JANM

(a) Kerjaya

Mengapa skim F begitu lewat untuk naik pangkat?

PEMBENTANG USUL: PUAN NURASHIYKIN ABDUL RAHMAN, JPN Selangor

(a) Kerjaya

Masa untuk Kenaikan pangkat

PEMBENTANG USUL: PUAN NUR ASHIKIN HALID, KPM

(a) Kerjaya

Peluang kenaikan pangkat bagi PTM